

Meneroka Laluan Kerjaya Berpendapatan Tinggi Bagi Golongan Belia Luar Bandar Di Malaysia

Salpiah Suradi¹, Ruhizan Mohamad Yasin², Mohamad Sattar Rasul³ & Mohamad Iskandar Shah Sitam⁴

¹(Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur, Malaysia)

^{2,3}(Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

⁴(Institut Pendidikan Guru Tun Abdul Razak Kota Samarahan, Sarawak Malaysia)

ABSTRACT : *High income career path is obtained in two ways either by increasing quality of education to hold the administrative-managerial post with stable income or venturing into profitable entrepreneurship. The question is whether the choice is relevant with the rural youth. The male youth poses more choices but migration to town is seen as the best opportunity. The impact is more important for the female youth. To accomplish the vision of a developed nation in 2020, ensuring the youth mobility within the present settlement and strengthening the human capital resources through policy planning is more effective in solving the issue of rural community development. This paper explores the opportunity offered by various ministries and government agencies for the female youth in the rural. High income career opportunities are elaborated in the form of formal and non formal education. Therefore, proper planning and creating specific policies are more effective in solving the issues of rural community development. This paper explores career path opportunities offered by three namely Ministry of Rural and Regional Development (KKLW), Ministry of Women, Family and Community Welfare Development (KPWKM) and Ministry of Agriculture (MOA).*

KEYWORDS – *Laluan Kerjaya, Pendapatan Tinggi, Belia Luar Bandar, Pendidikan Formal & Non Formal*

PENGENALAN

Golongan belia ialah modal insan yang kritikal dalam pembangunan komuniti luar bandar. Antara golongan yang dikategorikan sebagai terpinggir atau 'neglected' daripada arus pembangunan sebuah negara adalah komuniti luar bandar (Acker & Gasperini 2009; Junaehah & Noor Rahamah 2012; Mustafa et al. 2012). Acker dan Gasperini (2009), menyatakan komuniti luar bandar terpinggir daripada aspek pembangunan atas faktor geografi, penempatan, lokasi yang menyebabkan mereka tidak dapat akses pendidikan formal yang memberi impak kadar literasi. Faktor jenis penempatan berselerak juga menimbulkan masalah bagi tujuan akses kepada sumber, perkhidmatan, pekerjaan bergaji, latihan dan pengangkutan dan menjadikan golongan belia bergantung kepada sektor pertanian (Juneah et. Al, 2012; Sidhu & Kaur 2006). Teori Modal Insan Schultz (1963) mempercayai bahawa pelaburan terhadap bidang pendidikan adalah merupakan modal pembangunan insan (Mohd Sattar 2010). Justeru, bidang pendidikan ialah keutamaan dalam pelaksanaan dasar pembangunan ekonomi di Malaysia.

Luar bandar didefinisikan sebagai kawasan yang mempunyai penduduk kurang daripada 10,000 orang dengan mempunyai ciri-ciri kawasan pertanian dan sumber alam semula jadi di mana penduduknya tinggal sama ada secara berkelompok, sejajar atau bertaburan (Portal KKLW, 2015). Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), mendefinisikan kawasan luar bandar merangkumi juga kampung pinggiran bandar, kawasan pembangunan khusus seperti kawasan perumahan terancang di luar kawasan operasi PBT. Faktor penempatan bandar dan luar bandar mempengaruhi peluang dalam aspek menjana ekonomi, pekerjaan, pendidikan, mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur (Acker & Gasperini 2009; Basu & Majumdar 2006 ; Norizan 2009; Zalika 2009). Berdasarkan trend global lebih 70 peratus penduduk miskin tinggal di luar bandar dan sebahagiannya menghadapi masalah buta huruf (Ibarraran et al. 2009; Acker & Gasperini 2009). Berdasarkan prestasi ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020, Unit Perancang Ekonomi (2009) telah menyedari wujudnya beberapa petunjuk yang membimbangkan melibatkan masyarakat luar bandar. Berdasarkan laporan Jabatan Statistik didapati kadar kemiskinan ketua isi rumah luar bandar menunjukkan insiden kemiskinan 8.4 dan kemiskinan tegar 1.8 berbanding di bandar pada nilai 0.7 insiden kemiskinan dan 0.2 kemiskinan tegar.

Pendapatan isi rumah bulanan purata bagi luar bandar ialah RM2,545 sebulan berbanding pendapatan isi rumah bulanan purata bagi rakyat Malaysia adalah RM 4,025. Sementara pendapatan isi rumah bulanan purata bagi wanita luar bandar (RM 1,852) iaitu 30.6 peratus lebih rendah daripada lelaki luar bandar (RM2,670) dan 46.5 peratus lebih rendah daripada wanita di bandar (RM 3,462). Kadar literasi dewasa di luar bandar juga lebih rendah iaitu 90 peratus berbanding di bandar 90 peratus. (Jabatan Perangkaan, 2009).

Umum mengetahui bahawa faktor individu iaitu minat, sikap dan kebolehan merupakan faktor kritikal pemilihan kerjaya seseorang. Namun begitu, realitinya tidak semudah seperti yang dijangkakan. Faktor persekitaran dan bagaimana proses seseorang dibesarkan dikatakan lebih dominan dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya (Brown 2002; Zool Hilmi 2014). Antara faktor persekitaran yang memberi pengaruh terhadap pemilihan ialah nilai, budaya, komuniti, lokasi penempatan dan teknologi. Menurut Lent, Brown, Nota, dan Soresi (2003), pemilihan kerjaya mempunyai hubungan dengan minat, galakan sosial dan halangan-halangan dalam persekitaran. Begitu halnya dalam konteks Malaysia, pemilihan kerjaya golongan belia banyak dipengaruhi oleh faktor peluang pendidikan, peluang pekerjaan dan faktor kebolehpasaran (Mohd Satar 2010). Tambahan pula bagi golongan belia luar bandar di mana peluang dan ruang untuk mereka membuat pilihan kerjaya agak terhad. Menurut Adegbe dan Aji (2012) setiap negara perlu menentukan keutamaan dalam dasar pembangunan modal insan. Wujud juga pendapat bahawa campur-tangan dasar dan polisi adalah mekanisme penting dalam mempercepat pencapaian hala tuju sesebuah negara terutamanya bagi menentukan hala tuju pembangunan kawasan luar bandar (Allen et al. 2008; Hill 2011; Teoh & Chong 2007). Menyedari hal berkenaan, Malaysia telah mereka bentuk dasar dan polisi pembangunan yang khusus bagi laluan kerjaya golongan belia luar bandar.

LATAR BELAKANG

Dasar dan model pembangunan luar bandar direka bentuk bagi memenuhi keperluan semasa dengan matlamat pembangunan yang lebih mampan. Evolusi pembangunan luar bandar berdasarkan pelaksanaan dasar pembangunan ekonomi terbahagi kepada lima tahap iaitu : i) Era Pasca Kemerdekaan (1957-1970), ii) Era Dasar Ekonomi Baru (1970-1990), iii) Era Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), iv) Era Pembangunan Berasaskan Pengetahuan dan v) Era Transformasi Kerajaan. Setiap tahap pembangunan, negara berusaha memenuhi keperluan modal insan semasa. Untuk tujuan pembangunan golongan belia luar bandar kerajaan mereka bentuk beberapa dasar khusus serta mengaplikasikan beberapa model pembangunan dengan melibatkan pelbagai kementerian seperti KKLW, MOA, KPWKM dan lain-lain. Antaranya ialah Dasar Pembangunan Luar Bandar, Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) dan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB). Sebelum mengulas lebih lanjut berkaitan dengan isu pokok perbincangan iaitu laluan kerjaya golongan belia luar bandar perlulah diperhalusi dahulu apakah matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Berikut adalah objektif dasar berkenaan;

“Pembangunan luar bandar berhasrat melahirkan masyarakat luar bandar yang progresif, berilmu dan berintegriti di samping mewujudkan kawasan luar bandar yang maju, menarik dan menguntungkan serta selamat untuk didiami.”

Matlamat dasar pembangunan luar bandar adalah untuk memastikan supaya setiap penduduk luar bandar mempunyai minda dan sikap yang positif. Di samping memupuk sikap berdikari agar mampu menggunakan peluang dan sumber yang ada dengan optimum bagi menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan. Matlamat Dasar Luar Bandar juga ialah mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan tinggal dalam persekitaran harmoni, indah, selamat serta terpelihara sumber alam. Ciri-ciri berkenaan dijangka berupaya menjadi tarikan kepada perkembangan sektor pelancongan domestik dan dari luar negara (Malaysia 2010; Bapat 2013; Akpınar et al. 2004). Bagaimanapun wujud pelbagai isu dan cabaran pembangunan di kawasan luar bandar. Antaranya cabaran ialah perubahan minda, nilai masyarakat, kepimpinan, peluang pekerjaan yang kurang menarik, peluang aktiviti keusahawanan yang terhad, masalah tanah nilai tambah yang rendah, kebergantungan kepada buruh asing, produktiviti yang rendah, saiz penempatan luar bandar yang bertaburan dan kecil, kurang kemahiran dan tahap pendidikan yang rendah, pertindihan agensi dan fungsi, ketidakcekapan dan pembaziran sumber (Portal KKLW 2015; Tambunan 2009; Dass 2012). Maka dapat

disimpulkan bahawa cabaran hidup di kawasan luar bandar serta pelbagai faktor menarik di kawasan bandar telah menjadikan penempatan luar bandar bukan pilihan.

Penurunan kadar populasi di kawasan luar bandar serang kali dikaitkan dengan faktor migrasi golongan belia ke bandar bagi tujuan mendapatkan pekerjaan (Mohd Taib 2010; Junaehah & Noor Rahamah 2012). Kajian PIPLB mendapati 62.4 peratus generasi muda tidak berminat tinggal di kawasan luar bandar. Pada masa yang sama statistik pengangguran golongan belia di luar bandar lebih tinggi iaitu 3.5 peratus berbanding 2.9 peratus di kawasan bandar (Jabatan Perangkaan 2011). Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan penurunan jumlah populasi di luar bandar dan berkadar songsang dengan populasi dalam kawasan bandar dalam tempoh 50 tahun (1970-2020). Penurunan pertumbuhan penduduk luar bandar bermula dari era 1990-an di mana ketika itu negara sedang rancak meneroka bidang perindustrian dalam usaha mengubah penggantungan ekonomi daripada sektor pertanian.

Golongan belia terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur 15-39 tahun. Laporan statistik dalam Jadual 2 dapat ditunjukkan jumlah peratusan belia di luar bandar pada tahun 2000 ialah 34.3 peratus berbanding belia dalam kawasan bandar 65.7 peratus. Pada tahun 2013 pula peratusan menurun lagi kepada 25.5 peratus bagi belia di luar bandar berbanding belia di bandar 74.5 peratus. Ini bermakna wujud kesukaran dalam mengekalkan mobiliti golongan belia di luar bandar. Perlunya perancangan dasar yang lebih komprehensif dan menarik agar dapat menyelesaikan masalah migrasi ke kawasan bandar. Justeru dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) (2001-2005), program pembangunan belia luar bandar bertujuan untuk melengkapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menghadapi cabaran globalisasi. RMKe-9 (2006-2010) pula memberi penekanan kepada usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa. Teras strategik program pembangunan belia dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 adalah untuk : i) mengupayakan belia untuk masa hadapan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan; ii) meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia; iii) memupuk semangat persaingan di kalangan belia; iv) memperkukuh rangka kerja perundangan program pembangunan belia; dan v) menggalak perpaduan negara dan integrasi sosial (Laporan RMKe-9 2010).

Jadual 1 : Taburan Penduduk Bandar dan Luar Bandar 1970-2020

Tahun	Bandar	%	Luar bandar	%	Keseluruhan Jumlah ('000)
	Jumlah		Jumlah		
1970	2,780,254	26.9	7,539,070	73.1	10,319,324
1980	4,492,408	34.2	8,643,701	65.4	13,136,109
1991	8,898,581	50.7	8,664,839	49.3	17,563,420
2000	13,714,897	61.8	8,483,379	38.2	22,198,276
2010	20,290.9	71.0	8,297.8	29.0	28,588.70
2015	22,662.4	74.3	7,822.8	25.7	30,485.20
2020	25,047.1	77.2	7,394.1	22.8	32,441.20

Sumber : Portal KKLW (2015) Data 2015 & 2020 adalah data unjuran

Golongan belia terdiri daripada mereka dalam kumpulan umur 15-39 tahun. Laporan statistik dalam Jadual 2 dapat ditunjukkan jumlah peratusan belia di luar bandar pada tahun 2000 ialah 34.3 peratus berbanding belia dalam kawasan bandar 65.7 peratus. Pada tahun 2013 pula peratusan menurun lagi kepada 25.5 peratus bagi belia di luar bandar berbanding belia di bandar 74.5 peratus. Ini bermakna wujud kesukaran dalam mengekalkan mobiliti golongan belia di luar bandar. Perlunya perancangan dasar yang lebih komprehensif dan menarik agar dapat menyelesaikan masalah migrasi ke kawasan bandar. Justeru dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) (2001-2005), program pembangunan belia luar bandar bertujuan untuk melengkapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menghadapi cabaran globalisasi. RMKe-9 (2006-2010) pula memberi penekanan kepada usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa. Teras strategik program pembangunan belia dalam tempoh

Rancangan Malaysia Ke-9 adalah untuk : i) mengupayakan belia untuk masa hadapan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan; ii) meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia; iii) memupuk semangat persaingan di kalangan belia; iv) memperkukuh rangka kerja perundangan program pembangunan belia; dan v) menggalak perpaduan negara dan integrasi sosial (Laporan RMKe-9 2010).

Terdapat beberapa program khusus bagi pembangunan belia luar bandar di bawah pelaksanaan RMK-8 dan RMK-9. Antara program yang dilaksanakan ialah Latihan Kepimpinan, Latihan Kemahiran dan Pembangunan Keusahawanan. Latihan Kepimpinan diberikan untuk membentuk generasi belia yang dinamik, berhemah tinggi, berdisiplin, bersikap positif dan beretika baik. Program Latihan kemahiran dilaksanakan bertujuan memenuhi permintaan sumber tenaga dalam sektor pembuatan, pembinaan dan dalam sektor perkhidmatan. Program pembangunan keusahawanan pula dilaksanakan bagi memupuk potensi keusahawanan agar golongan belia menjadikan bidang perniagaan sebagai kerjaya di samping menggalakkan mereka bekerja sendiri. Jelasnya, dapat dikatakan bahawa program yang dilaksanakan adalah bertujuan memupuk sikap berdikari serta matlamat mengisi kelompangan sumber tenaga negara.

Jadual 2 : Data Belia (15 – 40 tahun) Bagi Luar Bandar dan Bandar Mengikut Tahun

Tahun	Juta Orang				% daripada jumlah			
	Bandar		Luar Bandar		Bandar		Luar Bandar	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
2000	3.166	3.200	1.709	1.612	32.68%	33.03%	17.64%	16.64%
2013	5.175	4.898	1.864	1.590	38.25%	36.21%	13.78%	11.75%

Sumber : Adaptasi Portal KKLW (2015)

Menceburi bidang keusahawanan pula ialah kunci pemerkasaan bagi golongan belia di luar bandar (Mohd Taib 2010; Kabir & Huo 2011; Radiah et al. 2009; Junaehah & Noor Rahamah 2012). Keusahawanan juga merupakan satu-satunya batu loncatan untuk meraih pendapatan tinggi dalam tempoh yang lebih singkat berbanding bidang pendidikan. Kerjaya dalam bidang keusahawanan sering dikaitkan dengan sumber pendapatan tinggi (Hisrich 2005; Lechner et al. 2012; Norma 2011). Kerjaya berpendapatan tinggi pula secara amnya adalah diasaskan kepada jumlah pendapatan melebihi purata yang diperolehi daripada sesuatu bidang yang diceburi. Memperoleh pendapatan tinggi boleh dikategorikan sebagai satu standard pencapaian dalam aspek nilai ekonomi 'superior performance' (Spencer & Spencer 1993). OECD (2013) dan Bank Pembangunan Asian (ADB) mengklasifikasikan negara berpendapatan tinggi berdasarkan kriteria pendapatan, iaitu pendapatan kasar per kapita dalam sesuatu tahun. Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) dan Bank Negara Malaysia (2013) menggunakan penanda aras pendapatan RM5,000 ke atas sebagai berpendapatan tinggi. Jelasnya, kajian ini bertujuan meneroka laluan kerjaya yang ditawarkan kepada golongan belia luar bandar dalam usaha mencapai pendapatan tinggi seperti yang dihasratkan oleh negara. Inisiatif berkenaan adalah hasil daripada pelaksanaan dasar pembangunan yang telah dirancang oleh beberapa kementerian dan agensi.

METODOLOGI

Kajian ini dikategorikan sebagai penyelidikan kepustakaan kerana ia tidak melibatkan pengumpulan data di lapangan. Maklumat diperolehi melalui pembacaan ke atas sumber bertulis yang di sorot daripada laporan dan dapatan pengkaji-pengkaji lepas. Dokumen yang dianalisis melibatkan laporan-laporan statistik, jurnal, buku rujukan dan prosiding dari dalam dan luar negara. Sandaran asas bagi rujukan data adalah laporan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, laporan kementerian-kementerian dan laporan Bank Dunia. Artikel ini bertujuan membincangkan secara konseptual laluan kerjaya berpendapatan tinggi melalui bidang keusahawanan. Secara keseluruhan objektif kajian ini adalah i) mengenal pasti dasar-dasar pembangunan luar bandar dan ii) mengenal pasti inisiatif perancangan laluan kerjaya golongan belia luar bandar daripada tiga buah kementerian.

INISIATIF LALUAN KERJAYA GOLONGAN BELIA LUAR BANDAR

Laluan kerjaya secara formal diselaraskan dengan dasar pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dikenali sebagai pendidikan aliran perdana. Manakala pendidikan non formal dilaksanakan dengan

melibatkan kerjasama antara kementerian, agensi dan institusi. Pendidikan non formal menyasarkan golongan belia luar bandar yang terpinggir atau tersisih daripada pendidikan aliran perdana. Pendidikan non formal bagi pembangunan luar bandar memberikan fokus kepada memberi pengetahuan dan latihan dalam bidang keusahawanan. Menyedari peri pentingnya pendidikan sepanjang hayat dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan maklumat semasa maka pendekatan secara non-formal turut diberikan tumpuan.

Laluan Kerjaya Kementerian Luar Bandar Dan pembangunan Wilayah

Inisiatif KKLW dalam menyokong usaha mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi ialah melalui pelaksanaan (MBELB). Model MBELB menyasarkan pendapatan per kapita rakyat Malaysia sebanyak USD 15,000- 20,000 pada tahun 2020 (Laporan KKLW 2011). MBLB adalah merupakan perancangan bersepadu melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi di bawah payung KKLW bagi memperkasa ekonomi luar bandar melalui bidang pertanian. Elemen keusahawanan bertindak sebagai pemangkin bagi pembangunan ekonomi luar bandar. Menurut Nor Aishah (2013), peranan usahawan dalam ekonomi ialah mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan taraf hidup, mempelbagaikan barangan di pasaran seiring dengan peningkatan teknologi, menggunakan sumber-sumber dengan cekap dan membangunkan industri sokongan. Jelasnya sumbangan keusahawanan bukan sahaja kepada individu usahawan sahaja tetapi turut memberikan impak sumbangan kepada komuniti setempat dan seterusnya terhadap sosio-ekonomi negara (Shahida Shahimi et al. 2012; Sirgy 2010).

Kementerian telah merangka 10 pendekatan strategik melalui pelaksanaan 17 inisiatif ekonomi yang dikenal pasti berpotensi bagi merealisasikan matlamat pembangunan penduduk di 15,057 buah kampung. Pendekatan strategik tersebut ialah penerokaan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, Penguatan kekuatan sedia ada dan peluang potensi, Pemantapan sistem rantai nilai secara menyeluruh, Mewujudkan aktiviti ekonomi Nilai tambah, Memperluaskan Penglibatan Sektor Swasta Dalam Aktiviti Ekonomi Luar bandar, Pembudayaan Aplikasi Teknologi Terkini Bagi Meningkatkan Produktiviti, Mengoptimumkan Penggunaan, Pembudayaan Aplikasi Teknologi Terkini Bagi Meningkatkan Produktiviti dan Pembangunan Modal Insan Luar bandar. Berdasarkan Rajah 1 dapat dikatakan bahawa pelan pembangunan luar bandar lebih menumpukan kepada usaha mengupayakan sumber ekonomi sedia ada, memperkasa sumber modal insan serta memperkenalkan sumber ekonomi baru yang berpotensi dalam jangka masa singkat.

Rajah 1 : Pendekatan Strategik MBELB Berpendapatan Tinggi


Meneroka Laluan Kerjaya Berpendapatan Tinggi Bagi Golongan Belia Luar Bandar Di Malaysia

1 :Penerokaan Aktiviti Ekonomi Bernilai Tinggi	2: Pengukuhan Kekuatan Sedia ada & Peluang Potensi	3 : Pemantapan Sistem Rantaian Nilai Secara Menyeluruh
<p>Inisiatif Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanaman Cassava • Ternakan lembu Fidlot • Berintergrasikan baja • Bio Organik • Tanaman Gaharu secara integrasi • Industri rumpai laut 	<p>Inisiatif Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sawit • Getah • Industri Desa • Perkhidmatan • Buah-buahan • Tanaman Kontan & Sayuran • Akuakultur • Kenaf • Kastor 	4 : Mewujudkan Aktiviti Ekonomi Nilai tambah
7: Pembudayaan Aplikasi Teknologi Terkini Bagi Meningkatkan Produktiviti	5 : Memperluaskan Penglibatan Sektor Swasta Dalam Aktiviti Ekonomi Luar bandar	<p>Inisiatif Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan baja bio organik • Pembuatan laminated • Veneer Lumber • Berasaskan Sawit • Penghasilan Makanan • Ternakan Berasaskan sawit • Industri herba • Eco Pelancongan • Agro Pelancongan • Inap desa • Pertanian Organik
8 : Pengukuhan Koordinasi Antara Agensi	6 : Mengoptimumkan Penggunaan Tanah	
9: Memperkasakan ekonomi melalui pembentukan modal & dana kewangan dari kerajaan & Swasta	<p>Inisiatif Ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanaman Cendawan • Tanaman Fertigasi • Ternakan Burung Walit 	10 : Pembangunan Modal Insan Luar bandar

Agenda MBELB melalui Pendekatan Strategik Ke 10 iaitu pembangunan modal insan, kementerian telah memperkenalkan Model Pembangunan Modal Insan Luar Bandar (PMILB) dalam Rajah 2. Pembangunan PMILB berteraskan Aspirasi Negara dan Falsafah Pendidikan. Visi PMILB ialah menjadikan luar bandar sebagai kawasan yang ekonominya berdaya maju, masyarakatnya sejahtera dan persekitarannya lestari seiring dengan wawasan negara ke arah mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi. Terdapat tujuh objektif teras pembangunan modal insan iaitu i) pengupayaan peningkatan kualiti hidup dan pendapatan isi rumah dalam kumpulan berpendapatan 40% terendah, ii) pembangunan ekonomi yang berdaya maju, iii)berdaya saing dan berdaya tahan, iv)pengurusan pembangunan yang bersepadu pengintegrasian program pembangunan luar bandar dengan perancangan fizikal, v)pengurusan sumber alam secara mapan, vi) pembangunan infrastruktur dan penyediaan dan iiv) kemudahan awam yang menyeluruh.

Model pembangunan menggunakan pendekatan menyeluruh melalui 5 fasa umur bermula dari tahap pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah ke peringkat pekerjaan atau dunia perniagaan. Perancangan pembangunan modal insan meliputi laluan kerjaya melalui pendidikan formal dan non formal. Laluan kerjaya secara formal diselaraskan dengan dasar pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala pendidikan non formal menasarkan golongan belia luar bandar yang terpinggir atau tersisih daripada aliran arus perdana. Menyedari peri pentingnya pendidikan sepanjang hayat dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan maklumat semasa maka pendekatan secara non-formal turut diberikan tumpuan. Untuk tujuan pelaksanaan pendidikan formal dan non formal, kementerian telah menggembeng 13 agensi di bawah naungannya untuk saling mengambil peranan dan saling bekerjasama. Matlamat akhir adalah menghasilkan modal insan yang mempunyai kualiti minda kelas pertama.

Rajah 2 : Model Pembangunan Modal Insan Luar Bandar (PMILB)



Majlis Amanah Rakyat (MARA) adalah merupakan agensi di bawah naungan KKLW yang dominan dalam memainkan peranan dalam merealisasikan matlamat meningkatkan pendapatan melalui bidang pendidikan dan keusahawanan (Mohd Taib 2010; Nik Mohd Zaid et al. 2004 ; Radiah et al. 2009; Norita et al. 2007). Bagi tujuan mengoptimumkan matlamat berpendapatan tinggi MARA telah melaksanakan transformasi pendidikan

berorientasikan bidang teknologi dan vokasional sebagai titik mula melatih sumber modal insan yang berkemahiran tinggi (Hartini et al. 2013). MARA memperkenalkan laluan kerjaya berpendapatan tinggi melalui dua cara sama ada meningkatkan kualiti akademik dan kemahiran di mana-mana institusi pendidikan di bawah naungannya atau menceburi bidang keusahawanan. MARA menawarkan pakej lengkap bagi meningkatkan kualiti pendidikan bermula dengan peringkat menengah rendah sehingga tahap maksimum peringkat doktor falsafah sama ada di dalam dan di luar negara mengikut syarat dan terma yang ditetapkan. Di peringkat negara MARA memiliki lebih daripada 150 institusi pendidikan di seluruh negara (Portal MARA 2015).

Jadual 3 : Laluan Kerjaya Keusahawanan Belia Luar Bandar yang Ditawarkan oleh MARA

Meneroka Laluan Kerjaya Berpendapatan Tinggi Bagi Golongan Belia Luar Bandar Di Malaysia

Program	Kumpulan Sasaran	Matlamat	Strategi
Usahawan Teknikal	Lepasan institusi teknikal MARA : IKM, Giat MARA, IKTM, Infotech MARA, FITEC dan lain-lain; Lepasan institusi teknikal awam/swasta : IKBN, ILP, ILSAS dan lain-lain; Siswazah bidang teknikal	Melahirkan lebih ramai usahawan teknikal (technopreneurs) Bumiputera di seluruh negara	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kemudahan latihan: pembentukan usahawan, pengurusan perniagaan, peningkatan kemahiran dan asas teknikal 2. Kemudahan sewaan peralatan dan mesin 3. Kemudahan Pembiayaan Perniagaan 4. Perundingan dan Bimbingan Projek 5. Pemantauan dan Susulan
Kemudahan Pengeluaran dan Perantisan	Usahawan sedia ada & usahawan baru. Syarat : Bumiputera, Perniagaan sepenuh masa dan Berumur 20 - 35 tahun	Membangunkan usahawan PKS melalui kaedah pembentukan etika keusahawanan, perintisan perniagaan, kemudahan pengeluaran, galakan pengeluaran, pemindahan teknologi dan rawatan perniagaan dan mengkomersialkan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan dan Peningkatan Produk. Biaya sehingga 90% kos & had maksimum RM 50,000 bagi : Yuran konsultan, Bahan mentah, Kos ujian makmal (piawaian), Pembungkusan & pembangunan jenama 2. Peningkatan Kelengkapan / Mesin dan Sistem
Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera	Usahawan industri perkilangan Bumiputera & berpotensi untuk dikomersialkan. Berupaya menyediakan 5% atau RM20,000.00 modal awal, syarikat berstatus Sendirian Berhad & modal berbayar > RM 100 ribu	Melahirkan 'top entrepreneur' yang maju dan berdaya saing dan seterusnya mampu disenaraikan di Bursa Malaysia.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan Keusahawanan & Pendedahan Perniagaan 2. Kemudahan Pusat Pengeluaran Produk / Ruang Kilang 3. Peralatan & Mesin Asas 4. Pembiayaan Pengurusan & Bantuan Perkhidmatan Sokongan 5. Bantuan Khidmat Pakar runding 6. Pemasaran & Promosi Produk 7. Bantuan Pembangunan Produk
Landskap Pembangunan IBS & Hardware	Kontraktor Bumiputera	meningkat dan memantapkan penyertaan Bumiputera dalam Sistem Binaan Perindustrian (IBS)	<ol style="list-style-type: none"> 1. perkongsian pintar dengan jabatan/agensi kerajaan yang aktif : Kementerian Kerja Raya, SIRIM, CIDB, PKK, MIGHT dan NPC serta kerjasama strategic dengan para penyelidik daripada IPTA/IPTS.
Pembiayaan Perniagaan Program Bumiputera	Lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa), bidang perniagaan kecuali pertanian & penternakan, sub kontrak atau kontrak kecil termasuk online yang baru memulakan perniagaan	Melahirkan usahawan kecil dinamik berjaya, kreatif dan inovatif.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelian aset perniagaan dan modal pusingan

Sumber : Adaptasi Portal MARA (2015)

MARA juga terlibat secara aktif sebagai agensi pembangunan keusahawanan dalam kalangan belia (Norbaiti & Ghazali 2010). Di samping menyediakan institusi latihan, bantuan kewangan, latihan praktikal, perkhidmatan runding cara dan pelbagai lagi di tawarkan kepada belia Bumiputera. Jadual 3 dapat ditunjukkan program pembangunan usahawan iaitu Usahawan Teknikal, Kemudahan Pengeluaran dan Perantisan, Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera, Landskap Pembangunan IBS & Hardware dan Pembiayaan Perniagaan Program Bumiputera. Matlamat utama MARA adalah melahirkan lebih ramai usahawan berpendapatan tinggi dalam kalangan Bumiputera.

Laluan Kerjaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Kebajikan Masyarakat

Inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat meningkatkan pendapatan wanita adalah melalui penglibatan dalam sektor keusahawanan. KPWKM dipertanggungjawabkan melaksana program meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Rendah atau *Low Income Households* (LIH) di bawah Model

Ekonomi Baru. Matlamat LIH adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan (Malaysia 2010). Wanita merupakan sasaran utama selain golongan miskin, keluarga, OKU, warga emas, kanak-kanak, mangsa bencana alam dan pertubuhan sukarelawan (Portal rasmi KPWKM 2014). Kerajaan telah menggubal intervensi polisi bagi menggalakkan penglibatan wanita dalam sektor tenaga kerja melalui 13 program iaitu Program Francais Wanita, Program Pengarah Wanita, Program Bekerja Di rumah, Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, Portal Talent Wanita (bagi menarik wanita professional menyertai pasaran buruh), 1 Azam, Projek DNA Purple, Program Pembangunan Pengeksport Wanita, Program Alatan Kewangan, Tabung Ekonomi Usahawan, Skim Pinjaman Ekonomi Luar bandar dan Bantuan Kewangan Amanah Ikhtiar Malaysia (World Bank 2012).

Jadual 4 : Laluan Kerjaya Keusahawanan Belia Luar Bandar yang ditawarkan oleh KPWKM

Program 1 Azam	Matlamat	Hasil
AZAM Kerja	Memberikan latihan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran kerja	Jurujual, Pengurusan Rumah Tangga, Pekerja Restoran Makan Segera, Pelayan Restoran, Pekerja Hotel, Program Menjana Pendapatan : Tukang Jahit, Perniagaan Sejuk Beku dan Mat Salai
AZAM Niaga	Peluang menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dengan kemudahan latihan dan kredit mikro.	Makanan dan Minuman, Kiosks, Perniagaan Runcit, Industri Kraf Tangan, Pertanian Berkelompok, Tanaman yang mempunyai pulangan cepat
AZAM Tani	Peluang menjana pendapatan melalui kegiatan berasaskan pertanian.	Pertanian Berkelompok, Tanaman yang mempunyai pulangan yang cepat, Ternakan dan Projek Hiliran Hasil Pertanian
AZAM Khidmat	Peluang menjana pendapatan melalui bidang perkhidmatan	Rawatan Penjagaan Diri, Andaman Pengantin, SPA dan Refleksologi

Kementerian KPWKM telah mengenal pasti 57 inisiatif bagi meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah yang dilaksanakan melalui Program Strategi Lautan Biru (*National Blue Ocean Strategy*). Berdasarkan dapatan tinjauan literatur terdapat dua program secara khusus untuk mencapai matlamat meningkatkan pendapatan golongan luar bandar iaitu program eKasih dan Program 1AZAM. Program eKasih ialah satu sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan. Sistem eKasih diwujudkan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2007 dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada 1 November 2007. Bertitik tolak dari keputusan itu, ia mula dibangunkan secara *in-house* oleh ICU JPM dan mula digunakan pada Jun 2008. Data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam eKasih adalah berasaskan kepada Banci Isi Rumah Miskin

Program 1AZAM adalah merupakan strategi penjaanaan pendapatan melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan, jahitan, ternakan dan pertanian secara kecil-kecilan. Suntikan elemen Strategi Lautan Biru diperkenalkan bagi melibatkan kerjasama agensi-agensinya pelaksana (*Champions*) dalam Program 1AZAM. Antara kementerian dan agensi yang terlibat adalah Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan dan Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Program berkenaan merangkumi empat bidang iaitu Azam Kerja, AZAM Khidmat, AZAM Niaga dan AZAM Tani seperti dalam Jadual 4. Kumpulan sasar adalah ketua keluarga dalam kumpulan berpendapatan 40 peratus daripada pendapatan purata isi rumah bulanan bagi Malaysia. Peserta Program 1AZAM diberikan pilihan sama ada terlibat secara sambilan atau sepenuh masa. Mereka juga boleh terlibat sebagai pengusaha atau pekerja.

Laluan Kerjaya Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA)

Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar telah bermula sejak Rancangan Malaysia Ke IV lagi, apabila Perdana Menteri Malaysia membentangkan Hala Cara Baru Pembangunan Kampung dan Luar Bandar di Parlimen pada 29hb Mac, 1984. Hala cara baru ini melibatkan tiga aspek iaitu: i) Kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan

perladangan bagi kebun-kebun kecil dan tanah sawah (ii) Perwujudan industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian dan (iii) Pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk membibitkan pusat-pusat pertumbuhan baru. Usaha pembangunan berterusan dan kini MOA memperkenalkan laluan kerjaya belia luar bandar hasil integrasi bidang pertanian dan keusahawanan. MOA memperkenalkan tiga kursus jangka pendek kepada belia luar bandar bagi terutamanya lepasan graduan institut pertanian, IPTA/IPTS, belia tani, orang awam dan pesara tentera/polis yang berminat menceburi bidang usahawan. Kursus yang ditawarkan iaitu Kursus Keusahawanan Pemprosesan Makanan, Program Inkubator Usahawan Belia Tani dan Kursus Petani dan Keusahawanan.

Jadual 5: Laluan Kerjaya Keusahawanan Belia Luar Bandar yang Ditawarkan oleh MOA

Program	Kumpulan Sasar	Matlamat	Strategi
Kursus Keusahawanan Pemprosesan Makanan	lepasan graduan institut pertanian, IPTA/IPTS, belia tani, orang awam dan pesara tentera/polis yang berminat	Melahirkan usahawan dalam perniagaan asas tani : makanan sejuk beku, bakeri, produk-produk berasaskan kelapa, buah-buahan dan makanan ringan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus hands-on agar peserta mahir dari segi teknikal pengeluaran produk yang bermutu, komersil dan menepati standard GMP (Amalan Pengilangan Yang Baik). 2. Kemahiran pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan penyediaan Rancangan Perniagaan. 3. Latihan praktikal di premis usahawan berjaya di bawah bimbingan Jabatan Pertanian.
Program Inkubator Usahawan Belia Tani	SPM/lepasan sijil pertanian IPTA/IPTS, terlibat dalam projek pertanian komersil, warganegara & minat	Membimbing dan memberi pengalaman secara 'hands-on' berkenaan ilmu pertanian di ladang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kuliah : kemahiran teknikal, kemahiran keusahawanan & membangunkan jaringan perniagaan di kalangan usahawan 2. Praktikal ditempatkan di Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan 3. Insentif dan kemudahan infrastruktur : kos pembersihan tapak, sistem perparitan, pengairan serta jalan ladang, sistem fertigasi dan struktur sistem turut disediakan.
Kursus Petani dan Keusahawanan	Warga negara & minat pertanian	Bimbingan & latihan kemahiran usahawan tani dalam bidang teknikal pertanian, keusahawanan & pengurusan ladang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan pendapatan petani 2. Meningkatkan kepakaran teknikal pertanian 3. Mengurangkan kos pengeluaran pertanian 4. Mengamalkan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti dan produk bermutu, mesra alam dan selamat dimakan

Jadual 5 dapat ditunjukkan laluan kerjaya yang disediakan oleh Kementerian Pertanian kepada golongan belia luar Bandar melalui pendidikan non-formal. Terdapat tiga program utama yang menjurus kepada latihan dan kemahiran berorientasikan keusahawanan dalam bidang pertanian. Latihan ini merangkumi pelbagai aktiviti dan modul termasuklah agronomi, mekanisasi ladang, pengurusan projek, perekodan data ladang, pelan perniagaan, pemasaran, keusahawanan dan kemahiran komunikasi serta 'team building'. Objektif program yang dilaksanakan adalah bagi membantu golongan belia menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya dan mengupayakan sumber modal sedia ada iaitu tanah dengan mengusahakan secara profesional. Di samping menggunakan kemahiran teknikal dan personel yang diperoleh sebagai usahawan (Malaysia 2010; Portal MOA 2015 : Laporan RMK-9. MOA turut mempunyai institusi pendidikan formal bagi peringkat sijil dan diploma khusus dalam bidang pertanian. Terdapat tujuh institusi kemahiran pertanian di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Malaysia, tiga buah institusi kemahiran di bawah kelolaan Jabatan Perikanan Malaysia dan dua buah institut di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

RUMUSAN

Memperkasakan golongan belia luar bandar memberikan cabaran yang besar kerana melibatkan usaha penghapusan kemiskinan, buta huruf sifar, meningkatkan tahap kemahiran literasi, kemahiran vokasional, ilmu keusahawanan dan seterusnya memberikan ruang dan peluang untuk mereka berdikari memulakan perniagaan bagi menjana pendapatan. Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa negara telah berjaya mereka bentuk laluan kerjaya golongan belia luar bandar bagi mencapai matlamat memperoleh pendapatan tinggi. Berdasarkan analisis dapatan tinjauan literatur didapati wujud pelbagai program yang telah dirancang dan dilaksanakan yang menyasarkan golongan belia bagi mengupayakan pembangunan ekonomi yang lebih rancak di kawasan luar bandar. Integrasi pembangunan bidang pertanian, teknikal dan keusahawanan dijangka dapat menarik golongan belia untuk menyertainya. Cabaran terbesar bagi pembangunan luar bandar adalah mengekalkan golongan belia untuk terus tinggal di penempatan luar bandar. Inisiatif yang ada dilihat sebagai menyediakan peluang kerjaya alternatif agar dapat membendung migrasi ke bandar.

Selain usaha pembangunan diri golongan belia itu sendiri, penglibatan faktor persekitaran seperti dasar dan polisi kementerian, sokongan keluarga, peranan sektor swasta dalam memberikan peluang dan modal serta peranan agensi pembangunan usahawan dalam membantu merealisasikan matlamat pemerksaan belia luar bandar. Perlunya satu kajian yang komprehensif, mendalam melibatkan kajian berskala besar kerana belia masa kini akan menentukan hala tuju pembangunan di kawasan luar bandar pada masa akan datang. Memandangkan sebahagian daripada golongan belia luar bandar merupakan kelompok yang terpinggir dan tersisih daripada arus perdana pendidikan maka perlunya satu kajian yang komprehensif. Laluan kerjaya yang dibentuk perlulah mengambil kira aspek-aspek individu seperti minat, bakat dan kebolehan agar mereka lebih bermotivasi menjayakan diri serentak dengan hasrat menjayakan ekonomi negara. Perlu difahami juga, pembangunan negara bukan merujuk semata-mata kepada pembangunan ekonomi tetapi meliputi pembangunan dari segi sosial, kerohanian, emosi dan jasmani.

REFERENCES

1. Acker, D. & Gasperini, L. 2009. Education for rural people: The role education, training and capacity development in poverty, education and food security.
2. Adegbe, N. & Aji, M.O. 2012. Technical and Vocational Education and Training (TVET): A tool for poverty reduction and national development. *International Journal of Vocational Studies* 6 (5).
3. Akpınar, N., Talay, I., Ceylan, C., & Gunduz, S. 2004. Rural women and agro tourism in the context of sustainable rural development : A case study from Turkey. *Kluwer Journal* 6: 473-486.
4. Allen, E., Elam, A., Langowitz, N. Dean, M., 7 Global Entrepreneurship Research Association 2008. Global Entrepreneurship Monitor : 2007 Report on women and entrepreneurship. Babson
5. Brown, D. 2002. *Career Choice and Development* (Fourth Edi.). San Francisco: Jossey-Bass.
6. Dass, S. K. 2012. Entrepreneurship through micro finances in North East India : A comprehensive review of existing literature. *Information Management and Business Review* 4 (4): 168-184.
7. Hill, C. 2011. Expert Group Meeting : Enabling Rural Women's Economic Empowerment: Institutions, Opportunities and Participation. Accra Ghana 20 -23 Sept 2011 www.un.org/womenwatch/daw/csw/csw56/egm.htm [20 Jan 2013].
8. Hisrich, R.D, Peters M.P, Shepherd D.A 2005 *Entrepreneurship* 6th Edition. Singapore: Mc Graw Hill
9. Ibarraran, P., Ripani, L., Taboada, B., Villa, J. M. & Gracia, B. 2012. Life skills, employability and training for disadvantaged youth: evidence from a randomized evaluation design. ftp.iza.org/dp6617.pdf [11 November 2013].
10. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2012. Buletin Perangkaan Sosial Malaysia.
11. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh Usahawan di Malaysia Siri 4 Bil/2009.
12. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. Perangkaan Sosial Terpilih Trend Sosial di Malaysia Siri 11/2009.
13. Junaehah Sulehan & Noor Rahamah Abu Bakar. 2012. *Penyertaan dan Pemerksaan Komuniti Desa Malaysia – Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
14. Kabir, M. S. & Huo, X. 2011. Advancement of rural women through small entrepreneurship development: The case of Bangladesh. *International Journal of Business and Management* 6 (9):134-140.
15. KKLW 2011, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. *Model Baru Ekonomi Luar Bandar*. Putrajaya: Penerbit Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
16. Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. 2005. *Perangkaan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat*. www.kpwkm.gov.my [18 Mac 2013].
17. Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat. 2012. *Perangkaan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat*.

18. Lechner, K. E., Hong, A. J., Sillah, A., Schneider, R. & Lacy, S. 2012. Understanding women's intergenerational knowledge transfer in rural Mali: Lessons from the African Sky mothers and daughters summit. <http://jglobalhealth.org/article/understnding-women's-intergenerational-knowledge-transfer-in-rural-Mali:Lessons-from-the-African-Sky-mothers-and-daughters-summit-2> [22 November 2013].
19. Lent, R. W., Brown, S. D., Nota, L., & Soresi, S. (2003). Testing social cognitive interest and choice hypotheses across Holland types in Italian high school students. *Journal of Vocational Behavior*, 62(1), 101–118. doi:10.1016/S0001-8791(02)00057-X
20. Malaysia. 2010. Matlamat Pembangunan Milenium Pada Tahun 2010. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia.
21. Mohd Taib Dora. 2011. Eradicate urban poverty in Malaysia through entrepreneurship strategies. *International Journal of Humanities and Social Sciences* (2) : 289-296.
22. Musa Abu Hassan, Md. Salleh Hassan & Hayrol, L. D. S. 2009. Problems and Obstacles in using Information and Communication Technology (ICT) among Malaysian Agro-Based Entrepreneurs. *European Journal of Scientific Research* 36 (1): 93-101.
23. Mustaffa Omar, Mohd Samsudin, Ishak Yussof, Sharina A. Halim. 2012 Kemudahterancaman dan Kelestarian Hidup Komuniti Luar Bandar: Satu Penelitian Dari Sudut Kerangka Kelestarian Hidup. *Journal od Tropical Marine Ecosystem 2*: 7-82.
24. Norbaiti Tukiman & Ghazali Semil @ Ismail. 2010. Cabaran dan faktor kejayaan usahawan Bumiputera Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di negeri Melaka. Laporan penyelidikan, Pembangunan dan Komersial, UTM. <http://eprints.uitm.edu.my/id/print/6920> [22 April 2013].
25. Norizan Abdul Razak. 2009. Empowering the rural communities via the telecentres. *European Journal of Social Sciences* 9 (3): 425-432.
26. Norma Md Saad. 2011. Selecting high income generating activities for micro entrepreneurs: The case study of Amanah Ikhtiar Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Sciences* 1(5):
27. Nurwahida Fuad & Abdul Manaf Bohari. 2011. Malay women entrepreneurs in Small and medium Sized ICT-Related Business: A case study on need achievement. *International Journal of Business and Social Sciences* 3: 272-278.
28. OECD. 2012. The programme for the international assessment of adult competencies. <http://www.oecd.org/edu/48865373.pdf> [3 Mac 2013].
29. OECD. 2013. The Survey of Adult Skills Reader's Companion. <http://www.oecd.org/edu/48865373.pdf> [3 Mac 2013].
30. Portal Rasmi KKLW. 2015: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah .www.rurallink.gov.my [Jan 10] [2015
31. Portal Rasmi KPWK. 2015 : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat. www.kpwkm.gov.my [10 Jan 2015]
32. Portal Rasmi MARA. 2015 : Majlis Amanah Rakyat. www.mara.gov.my [10 Jan 2015)
33. Portal Rasmi MOA. 2015 : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani www.moa.gov.my/ (20 Feb. 2015)
34. Radiah Abdul Kader, Mohd Rosli Mohamad, Ab Azid Che Ibrahim. 2009. Success factors for small rural entrepreneurs under one-district-one-industry programme in Malaysia. *Contemporary Management Research* 5 (2): 147-162.
35. Rohayu Roddin, Noor Sharipah Sultan Sidi, Yusmarwati Yusof, Maziana Mohamed, Abdul Rasid Abdul Razzaq. 2011 Poverty alleviation among single mother in Malaysia: Building entrepreneurship capacity. *International Journal Business And Social Science* 2 (17): 92-100.
36. Shahida Shahimi, Iszan Hana Kaharudin. 2010. Klasifikasi Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Implikasi terhadap Keupayaan Ekonomi Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKWM V) Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi. Port Dickson Negeri Sembilan, 15 – 17 Oktober 2010.
37. Sidhu, K. & Kaur, S. 2006. Development of entrepreneurship among rural women. *Journal Social Sciences* 13(2):147-149.
38. Sirgy, M. J. 2010. Theoretical Perspectives Guiding QOL Indicator Projects. *Social Indicators Research* 103:1-22.
39. Tambunan, T. 2009. Women entrepreneurship in Asian developing countries: Their development and main constraints. *Journal of Development and Agricultural Economic* 1(2): 27-40.
40. Teoh Wendy Ming Yen & Chong Siong Choy. 2008. Improving women entrepreneurs in small and medium enterprises in Malaysia: Policy recommendations. *Communications of the IBIMA* 2: 31-38.
41. Teoh Wendy Ming Yen & Chong Siong Choy. 2007 Theorising a framework of factors entrepreneurship and sustainability. *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability* 3 (2):
42. The World Bank. 2012. Malaysia economic monitor: Unlocking women's potential Bangkok Thailand. www.world.org/my [20 Jun 2013].
43. Unit Perancang Ekonomi. 2011. Laporan Kualiti Hidup Malaysia. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
44. Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johdi Salleh. 2009. Memperkasakan Pendidikan Luar Bandar. Prosiding Persidangan Kebangsaan pendidikan Luar Bandar 2009. Anjuran Sekolah Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Sabah. Hotel Beverly Kota Kinabalu Sabah. 3-5 Feb 2009.
45. Zalilah Mohd Sharif & Geok Lin Khor. 2008. Household food in security and coping strategies in poor rural community in Malaysia. *Nutrition Research and Practice* 2008: 2(1): 26-34.
46. Zool Hilmi Ashari, Mohad Satar Rasul & Azman 2014. Hubungan Individu, Persekitaran dan Kebolehsesuaian Terhadap Pemilihan Kerjaya Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia: Suatu Analisis Kandungan. *Sains Humanika*, 2(1) 135-144doi 2289-6996

